

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[ MACHANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah pandemik COVID19 memberi kesan kepada operasi syarikat '*start-up*' yang mendapat pembiayaan daripada agensi-agensi pembiaya di bawah MOSTI dan apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) telah melaksanakan kajian pada April 2020 terhadap 239 responden usahawan *start-up* dan perusahaan sosial daripada pelbagai industri, termasuklah Pendidikan, Perisian Teknologi Maklumat, Barang Dagangan, Makanan dan Minuman, Pelancongan, Pertanian dan Penjagaan Kesihatan.
2. Menurut kajian itu, sebanyak 15.9% responden percaya bahawa perniagaan mereka tidak akan bertahan lebih daripada sebulan sekiranya situasi semasa berlanjutan, manakala sebanyak 24.7% responden mengatakan bahawa perniagaan mereka tidak mampu bertahan lebih daripada dua bulan.
3. Hampir separuh (46.4%) daripada *start-up* dan perusahaan sosial mengatakan bahawa mereka mampu untuk bertahan untuk tempoh 3 hingga 6 bulan akan datang, manakala baki sebanyak 2.9% yakin sekiranya situasi semasa berlanjutan selama lebih daripada 12 bulan, mereka mampu bertahan.
4. Sehubungan itu, sokongan kewangan akan dapat membantu meringankan beban aliran tunai bagi perniagaan *start-up* dan perusahaan sosial di kala *start-up* bergelut dengan kos perniagaan. Tambahan pula sebanyak 77% responden mula terjejas teruk susulan Perintah Kawalan Pergerakan, khususnya mereka yang terbabit dalam industri Pendidikan dan Pembelajaran, Makanan dan Minuman, Perisian Digital/Teknologi Maklumat, Media, Barang Dagangan dan Pelancongan.
5. Menurut kajian MaGIC ini, sejumlah 35.1% responden memerlukan pinjaman sementara itu, sebanyak 23.8% ingin mendapatkan geran atau subsidi dan baki sebanyak 3.8% meminta penangguhan bayaran pinjaman.

6. Justeru itu, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah bersetuju memberi peruntukan kepada Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) sebanyak RM100 juta bagi membiayai program pembiayaan *Technology Start-up Funding Relief Facility* (TSFRF) dalam usaha membantu syarikat-syarikat *start-up* teknologi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

7. TSFRF ini akan dilaksanakan oleh Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), salah sebuah agensi di bawah MOSTI bermula 15 Mei 2020 ini dengan menyediakan bantuan kewangan bagi menampung aliran tunai seterusnya mengekalkan kelangsungan operasi perniagaan syarikat-syarikat terpilih. TSFRF ini adalah terbuka kepada semua syarikat startup teknologi milik rakyat tempatan dan majoriti pendapatan dijana dalam negara.

8. Pakej rangsangan ini menawarkan tempoh pembiayaan sehingga lima (5) tahun tertakluk kepada semakan tahunan serta pengecualian bayaran fi guaman selain tiada fi dan kos tambahan yang harus ditanggung oleh pemohon. Proses ini akan dibuat secara cepat dan mudah.

9. Dana RM100 juta ini merupakan tambahan kepada peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi-agensi tech-funding di bawah MOSTI seperti Malaysia Debt Ventures Bhd., Cradle Fund Sdn Bhd, MAVCAP, Kumpulan Modal Perdana (KMP) dan Malaysian Technology Development Corporation sebelum ini dan menjadikan jumlah terkini sebanyak RM315 juta. Peruntukan ini disalurkan kepada syarikat-syarikat start-up dalam bentuk pinjaman, geran, inisiatif pembangunan kapasiti, sokongan operasi, akses kepada pasaran dan lain-lain lagi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

10. Cradle akan turut menawarkan program pembiayaan baharu berbentuk geran berjumlah RM26.5 juta yang telah bermula pada penghujung Mei 2020. Program pembiayaan ini adalah khusus untuk permohonan baharu yang akan membantu membiayai syarikat *start-up* teknologi selepas mengambil kira isu serta cabaran yang dihadapi disebabkan COVID-19. Manakala MAVCAP telah melancarkan dua

program pembiayaan baharu iaitu Lunex (berjumlah US\$10 juta) yang memberi fokus kepada *start-up fintech* serta Asia Greentech Fund (US\$20 juta) dengan fokus kepada *start-up* teknologi hijau. Sebuah program pembiayaan ekuiti sambungan iaitu SuperSeed Fund II dengan jumlah sebanyak US\$10 juta juga akan dilancarkan dalam tempoh masa terdekat.

11. Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) juga turut berperanan sebagai agensi pembangunan (*developmental*) teknologi khusus bagi syarikat-syarikat PKS berasaskan teknologi, telah menyediakan Pakej Rangsangan yang dirangka khusus untuk membantu syarikat-syarikat PKS di dalam eko-sistem MTDC yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini.

12. Pakej yang ditawarkan termasuk:

- (i) Pengecualian bayaran sewa di Pusat Inkubator Teknologi MTDC selama enam (6) bulan;
- (ii) Pelanjutan bayaran balik Nota Janji Boleh Ubah selama sembilan (9) bulan;
- (iii) Bantuan kewangan sehingga RM50,000 kepada syarikat di bawah ekosistem MTDC yang layak; dan
- (iv) Subsidi ke atas Perkhidmatan Nasihat dan Nilai Tambah.

13. Menerusi MaGIC, inisiatif pembangunan kapasiti seperti Global Accelerator Programme (GAP) akan terus dilaksanakan oleh MaGIC bagi menyokong kemampanan start-up termasuklah melaksanakannya secara atas talian serta mengembangkan kerjasama dan penglibatan daripada start-up antarabangsa. Selain itu, program bootcamp yang menasaskan Deep Tech dan Emerging Tech akan turut dilancarkan bagi membimbing bakat tempatan bagi menghasilkan prototaip yang dapat menyelesaikan pernyataan masalah berkaitan COVID-19 melalui teknologi seperti *Machine Learning, Robotics, Nanotech dan Dronetech*.

## SOALAN NO : 35

14. Peranan Technology Park Malaysia pula adalah untuk membangunkan kapasiti dan kapabiliti keupayaan syarikat dan ketersediaan teknologi menembusi pasaran. TPM membantu mengenalpasti dana pembiayaan yang bersesuaian untuk dihubungkan serta memainkan peranan sebagai *Market & Technology Linker*, dalam mengenalpasti, menilai dan mengesyor produk yang berpotensi dan mempunyai nilai komersial untuk dipadankan.

15. Antara aktiviti dan bantuan yang disediakan oleh TPM adalah program-program inkubator, program pembangunan vendor bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), program mentor (Stargazer Mentoring) serta pekhidmatan infrastruktur seperti *testbed*.

16. Kerajaan juga melalui MOSTI telah memperuntukkan RM 100 juta bagi inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). NTIS dapat memberi manfaat yang besar kepada industri *start-up* negara dalam mengharungi cabaran ekonomi terutamanya pasca COVID-19 melalui pendekatan *Sandbox* untuk mempercepatkan penciptaan dan pengkomersialan teknologi serta inovasi di semua peringkat dengan menyediakan zon tertentu bagi pelaksanaan rintis inovasi masing-masing di samping melaksanakan kelonggaran peraturan untuk menguji cuba teknologi/inovasi baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 merupakan Rangka Rancangan Jangka Panjang negara dan adakah ianya akan diteruskan Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) merupakan hala tuju baharu pembangunan negara bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2021 hingga 2030. Matlamat utama WKB 2030 adalah untuk membolehkan rakyat Malaysia secara keseluruhannya dapat mengecapi taraf hidup wajar atau dengan izin "*decent standard of living*" menjelang tahun 2030. WKB 2030 menetapkan tiga objektif utama, iaitu Pembangunan untuk Semua, Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan serta Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah. Terdapat 10 sasaran utama ditetapkan untuk mencapai objektif WKB 2030 termasuk kadar pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) disasarkan berkembang sebanyak 4.7% setahun. Selain itu, bagi mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, nisbah pendapatan penengah kumpulan etnik Bumiputera, Cina dan India disasarkan pada nisbah 0.9:1:1. Purata pendapatan bagi mencapai taraf hidup wajar pula disasarkan tidak kurang daripada RM5,800 sebulan untuk kumpulan isi rumah B40.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Perikatan Nasional telah memutuskan untuk meneruskan WKB 2030 sebagai pelan pembangunan jangka panjang negara yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030. Pelbagai dasar dan strategi khusus yang akan diajarkan dengan objektif WKB 2030 akan dirangka di bawah RMKe-12 yang merupakan fasa pertama pelaksanaan WKB 2030.

3. Objektif pertama WKB 2030 adalah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Ini termasuklah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan memastikan kuasa beli rakyat ditingkatkan. Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang berpotensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Di samping itu, Kerajaan juga akan memastikan usaha untuk memacu produktiviti bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif diteruskan, menggalakkan pelaburan berkualiti serta melaksanakan inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi. Di samping itu, pelbagai bentuk penambahbaikan dan reformasi institusi akan terus dilaksanakan.

4. Bagi mengurangkan jurang kekayaan dan pendapatan pula, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah untuk meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Dalam hal ini, pengukuran kadar kemiskinan telah disemak semula dengan menetapkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) baharu iaitu sebanyak RM2,208 sebulan. Selain itu, kategori isi rumah telah dikelaskan semula kepada 10 kategori termasuk memperincikan kumpulan B40 kepada B1, B2, B3 dan B4. PGK baharu dan perincian pengkelasan ini serta nilai pekali Gini yang terkini sebanyak 0.407 akan digunakan sebagai asas dalam pengukuran kadar kemiskinan dan jurang kekayaan dalam menyusun strategi di bawah RMKe-12. Asas pengukuran baharu ini akan membolehkan perancangan program yang lebih bersasar dapat dilaksanakan bagi merapatkan jurang pendapatan antara isi rumah.

5. Selain itu, bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan tidak bertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara, terutamanya di negeri yang kurang membangun. Pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hot spots*, akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Malaysia juga akan memanfaatkan peluang daripada perkembangan peralihan ekonomi dunia dari Eropah ke Asia dengan menjadikan negara sebagai Hub Ekonomi ASEAN.

6. Dalam usaha untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha untuk mengukuhkan perpaduan nasional dan meningkatkan modal sosial ke arah mewujudkan masyarakat yang aman, harmoni dan bersatu. Sistem pendidikan akan memberi tumpuan kepada usaha ke arah memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara. Di samping itu, peluang dan ruang untuk interaksi sosial yang lebih baik dan kondusif akan diperluaskan bagi menggalakkan interaksi antara masyarakat dalam usaha memupuk perpaduan yang lebih utuh. Amalan tadbir urus Kerajaan juga akan diperkukuh berpandukan kepada prinsip mementingkan integriti bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.

7. RMKe-12 yang dijadualkan untuk dibentangkan kepada Parlimen pada Ogos 2020 telah ditangguhkan kepada tahun hadapan. Penangguhan ini bagi membolehkan Kerajaan menyusun semula strategi perancangan ekonomi mengambil kira ketidakpastian ekonomi global dan kesan pandemik COVID-19 serta beberapa cabaran luaran yang lain. Tumpuan Kerajaan pada masa kini adalah untuk memastikan pelan pemulihan pasca COVID-19 dapat digerakkan dengan lebih cepat dan dapat memberi kesan positif kepada rakyat dan negara.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 0.7% pada suku pertama 2020, iaitu lebih baik daripada jangkaan kebanyakan pakar ekonomi meskipun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar kesan daripada pandemik COVID-19. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun ini berikutan langkah Kerajaan membuka semula sektor ekonomi yang disokong oleh beberapa pakej rangsangan ekonomi.



9. Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang berjumlah RM260 bilion pada Mac 2020 bagi menjaga kesejahteraan rakyat, menyokong kelestarian perniagaan, khususnya PKS, dan memastikan kelangsungan kegiatan ekonomi utama. PRIHATIN yang bernilai 19% kepada KDNK adalah antara pakej rangsangan yang terbesar di kalangan negara membangun. Di samping itu, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion turut diperkenalkan pada Jun 2020. PENJANA memberi fokus kepada tiga teras utama, iaitu untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Ianya merangkumi langkah-langkah untuk melindungi pekerjaan, mempromosikan pekerjaan serta membolehkan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti secara beransur-ansur.

10. Kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) sedang dalam proses penyediaan pelan pemulihan ekonomi jangka sederhana hingga panjang. Pelan ini yang akan dibentangkan pada bulan Oktober 2020 memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam pasaran buruh, penambahbaikan peraturan dan pengukuhan persaingan dalam pasaran, isu pelaburan berkualiti, reformasi institusi awam dan kerangka urus tadbir serta pelaksanaan pendigitalan dan Revolusi Perindustrian Keempat. Selain daripada itu, peranan sektor awam dan swasta juga akan diteliti semula dalam menyokong pertumbuhan dan kelestarian ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.

11. Kerajaan akan memastikan pertumbuhan jangka panjang adalah berkualiti, inklusif dan mampan untuk membolehkan ekonomi rakyat dapat dipulihkan, manakala kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama. Kerajaan yakin melalui pelbagai usaha dan langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Kerajaan, ekonomi Malaysia akan lebih berdaya tahan dan berdaya saing serta seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi kemakmuran secara bersama.

Sekian, terima kasih.